

BOLING PADANG

1.0 PERATURAN PERTANDINGAN

Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-undang World Bowls dan Persekutuan Lawn Bowls Malaysia (PLBM) serta Peraturan Am Karnival Sukan Mahasiswa UiTM (KARISMA).

2.0 JENIS PERTANDINGAN

Pertandingan secara 'Terbuka Individu' iaitu Singles,Pairs,Triples dan Fours. Seorang atlet boleh bermain untuk 4 disiplin sekiranya pasukan menghantar penyertaan penuh .Acara tidak akan bermain secara serentak.

3.0 PENDAFTARAN PEMAIN

- 3.1 Setiap kampus boleh mendaftar 1 pasukan sahaja yang terdiri dari 4 orang pemain lelaki ATAU wanita ATAU campuran lelaki wanita bagi setiap pasukan. Pecahan peserta:-
4 acara single, 2 acara pairs, 1 acara triples dan 1 acara Fours.
- 3.2 Borang pendaftaran peserta hendaklah diserahkan kepada Jawatankuasa Pengelola sebelum kejohanan bermula.
- 3.3 Sebarang pertukaran pemain hendaklah dibuat di dalam mesyuarat pengurus- pengurus pasukan.

4.0 UNDIAN

Undian akan dibuat semasa mesyuarat Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan.

5.0 SISTEM PERTANDINGAN

Sila rujuk Peraturan Am (9.0) Karnival Sukan Mahasiswa.

6.0 MASA BERMAIN

- 6.1 Masa bermain adalah 1 jam 30 minit atau 15 ends yang mana terdahulu untuk semua disiplin kecuali untuk disiplin singles 1 jam 30 minit atau 21 mata yang mana terdahulu.
- 6.2 Mana-mana pasukan yang lewat dan belum bersedia untuk bermain selepas “Hon” permulaan dibunyikan, pihak lawan yang telah bersedia akan diberikan 1 shot dan tambahan 1 shot selepas setiap 5 minit seterusnya. Pasukan yang lewat 15 minit memberikan kemenangan percuma (W/O) dengan skor 7 – 0.
- 6.3 Apabila ‘Hon’ penamat dibunyikan, ends yang sedang dimainkan hendaklah dihabiskan jika Jack telah digolek dengan sah.
- 6.4 Tiada sebarang ‘trial end’ sebelum pertandingan.
- 6.5 Jika mana-mana pasukan memberi kemenangan percuma 2 kali dalam sepanjang pertandingan, pasukan tersebut akan dianggap menarik diri dan pasukan lawan akan diberi kemenangan percuma dengan skor 7 - 0.
- 6.6 Penggunaan jumlah bowls dalam permainan adalah sebanyak 4 bowls bagi setiap pemain untuk acara Singles dan Pairs, 3 bowls untuk acara Triples dan 2 bowls untuk acara Fours.

7.0 PAKAIAN PEMAIN

- 7.1 Baju setiap pemain/pasukan mestilah seragam dan berkolar. Baju ‘*round neck*’ tidak dibenarkan.
- 7.2 Hanya kasut yang dibuat khas untuk permainan Boling Padang atau bertapak rata dan tidak bertumit sahaja yang dibenarkan.
- 7.3 Hanya seluar panjang slack dan ‘*track bottom*’ yang seragam mengikut pasukan yang dibenarkan.

8.0 RE –SPOT JACK

- 8.1 Tiada ‘dead end’ dalam permainan.
- 8.2 Jika Jack telah terkeluar dari ‘rink’ ianya akan diletakkan di ‘T’ iaitu 2 meter dari ‘ditch’ iaitu di tengah-tengah ‘rink’.

9.0 CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN

9.1 Pemberian mata perlawanan

- 9.1.1 Menang - 3 mata
- Seri - 1 mata
- Kalah - 0 mata

9.2 Pasukan yang mendapat jumlah mata yang tertinggi akan dikira sebagai pemenang.

9.3 Jika masih seri, pasukan yang mendapat jumlah margin tertinggi dikira menang.

9.4 Jika masih seri, pasukan yang mendapat jumlah skor terbanyak dikira menang.

9.5 Jika masih seri, pasukan yang memenangi perlawanan diantara keduanya dikira menang.

9.6 Jika masih seri, pasukan yang mendapat kemenangan ends terbanyak dari seluruh permainan akan dikira menang.

9.7 Jika masih seri, sistem '*Sudden Death*' akan dilakukan dengan penentuan berdasarkan 1 end.

10.0 CARA MEMUTUSKAN PEMENANG SISTEM KALAH MATI

10.1 Tambahan 1 end akan dijalankan sekiranya masa bermain telah tamat dan skor sama.

11.0 HADIAH

11.1 Hadiah akan disediakan hanya untuk pemenang di tempat Pertama, Kedua dan Tempat Ketiga sahaja.

12.0 PERTANDINGAN TERTUNDA

12.1 Jika pertandingan tertunda/diberhentikan akibat cuaca buruk atau halangan yang tidak dapat dielakkan, maka pihak penganjur akan menentukan keputusan / corak pertandingan seterusnya berdasarkan kepada :-

- 12.1.1 Jika tempoh masa perlawanan telah mencapai 45minit atau 9 End maka pihak penganjur boleh memutuskan kemenangan berdasarkan kedudukan terakhir mata di dalam *scorecard*.

- 12.2 Jika tempoh masa perlawanan belum mencapai 45 minit atau 9 End, perlawanan akan disambung semula untuk tempoh baki masa / End yang ada .
- 12.3 Permainan akan dihentikan sementara apabila azan sholat berkumandang dan disambung semula setelah selesai azan.

13.0 BANTAHAN / RAYUAN

Sila rujuk Peraturan Am (14.0) Karnival Sukan Mahasiswa.

14.0 PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

Sila rujuk Peraturan Am (20.0) Karnival Sukan Mahasiswa.